

# UMS sahut 11 agenda KPT

UB 03.02.2023 P.02

**KOTA KINABALU:** Sebelas agenda Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menerusi Ucapan Perutusan Tahun Baharu 2023 mampu memperkasakan sektor pendidikan tinggi nasional secara menyeluruh.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr Kasim Haji Mansor berkata, hala tuju yang telah digariskan bertepatan dengan kepentasan perubahan dunia yang menuntut kesiapsiagaan tinggi dalam mendepani pelbagai krisis dan cabaran semasa.

“Bagi UMS, setiap pesanan dan inti amanat menteri akan menjadi sumber rujukan utama sebagai roh kepada hala tuju universiti sepanjang tahun 2023.

“Setiap aktiviti sedia ada dan perancangan yang telah dirangka juga akan dilihat dan disesuaikan semula bagi

memastikan UMS sentiasa seiringan dengan misi dan visi KPT khususnya ketika kita berada pada era ledakan teknologi permodenan dunia tanpa sempadan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan di sini bagi memberi reaksi terhadap Ucapan Perutusan Tahun Baharu Menteri KPT 2023 yang bertemakan Pendidikan Tinggi: Harapan dan Masa Depan.

Dr Kasim berkata, bagi mendepani cabaran tahun 2023 dan mengurus pelbagai kejutan di tahun-tahun mendatang, UMS menerusi slogan baharu “Leading towards Innovative Societies” (peneraju masyarakat berinovatif) akan terus aktif mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak industri, universiti-universiti di peringkat global, serta institusi-institusi pengajian

tinggi swasta (IPTS).

“Pendekatan-pendekatan yang digunakan memfokus kepada proses pemindahan ilmu kepada masyarakat dengan lebih teratur dan mudah kecapaiannya.

“Dengan keintelektualan yang ada tentunya akan membolehkan inovasi dihasilkan bersesuaian dengan empat sektor teras sumber utama ekonomi negara khususnya di Sabah iaitu pertanian, perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan.

“Kepakaran ahli akademik inilah yang menjadi penggerak kepada kemampuan UMS menterjemahkan masyarakat madani yang dihasratkan Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim, sekali gus menyahut agenda pertama dan yang paling utama iaitu menterjemahkan aspirasi nasional secara tegas, tuntas dan tepat,” jelasnya.